

NO. SOALAN : 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH (SABAK BERNAM)**

TARIKH : 19 OKTOBER 2016 (RABU)

**YB Datuk Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
MINTA PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah prestasi
ekonomi negara terkini dan nyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan
kestabilan dan kemapanan ekonomi negara dalam menghadapi situasi
ekonomi global yang terus mencabar masa kini.**

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi negara secara keseluruhan masih mencatat pertumbuhan yang mapan dengan mencatat pertumbuhan pada kadar 4.1 peratus bagi separuh pertama tahun 2016 (separuh pertama 2015: 5.3%). Pertumbuhan ini adalah selaras dengan pertumbuhan yang menyederhana di kalangan rakan dagang utama negara. Ia disokong oleh penggunaan swasta yang meningkat pada kadar 5.8 peratus yang didorong oleh peningkatan pendapatan boleh guna individu berikutan tahap guna tenaga yang stabil dan bantuan khas Kerajaan. Pelaburan swasta pula telah berkembang pada kadar 4.0 peratus berikutan pertumbuhan pelaburan yang sederhana bagi sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Dari aspek sektor, kesemua sektor utama negara kecuali sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan yang positif dalam separuh pertama tahun ini. Prestasi sektor pertanian telah terjejas berikutan kejatuhan dalam pengeluaran minyak sawit dan getah akibat fenomena El Nino.

Akaun semasa dalam imbangan pembayaran pula masih mencatatkan lebihan pada 0.6% kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK). Rizab antarabangsa juga masih tinggi pada RM405.0 bilion (bersamaan dengan USD97.7 bilion) pada 30 September 2016 yang mampu membiayai 8.4 bulan import tertanggung dan merupakan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek

Pertumbuhan yang dicapai ini lebih bermakna kerana ia diperolehi dalam keadaan ekonomi global yang mencabar dan tidak menentu. Badan-badan penarafan antarabangsa utama juga telah mengekalkan takrifan negara berdasarkan kedudukan ekonomi yang masih berdaya tahan dan boleh menghadapi sebarang risiko. Ini jelas membuktikan bahawa asas ekonomi negara masih kukuh serta pengurusan dan dasar ekonomi negara yang berada di landasan yang betul.

Pada masa yang sama, Kerajaan menyedari bahawa perkembangan ekonomi akan turut memberi kesan kepada kedudukan fiskal, terutamanya melalui kutipan cukai. Kerajaan kekal komited terhadap pengukuhan kedudukan fiskal negara pada 3.1 peratus kepada KDNK dan paras hutang tidak melebihi 55% pada tahun ini. Saya percaya, dengan langkah pengukuhan dasar fiskal yang berterusan dan pengurusan monetari yang sedang dilaksanakan akan terus meningkatkan daya tahan ekonomi negara untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dan inklusif, terutama dalam menghadapi persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu.

Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi seperti yang disasarkan, Kerajaan akan meneruskan usahanya bagi mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi negara bagi membolehkan Malaysia terus mencapai sasaran pertumbuhan tahunan KDNK yang ditetapkan. Di samping itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah proaktif sejak awal tahun lagi bagi melindungi ekonomi dari kesan-kesan ketidaktentuan ekonomi global. Penurunan kadar faedah baru-baru ini akan terus menyokong permintaan domestik dan meringankan beban kewangan rakyat. Bagi meningkatkan pendapatan rakyat, Kerajaan

sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dan program, seperti program keusahawanan dan latihan kerjaya.

Selain itu, strategi ekonomi makro jangka sederhana dan jangka panjang yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) akan menumpukan kepada usaha memperkukuhkan asas ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan. Strategi tersebut ialah:

- i. Meningkatkan produktiviti;
- ii. Meningkatkan pembangunan modal insan;
- iii. Menggalakkan pelaburan swasta;
- iv. Meningkatkan eksport;
- v. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal; dan
- vi. Meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Berdasarkan kepada langkah dan strategi yang dinyatakan tadi, serta langkah proaktif yang akan dirangka dari masa ke semasa, Kerajaan yakin negara mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam menghadapi situasi global yang mencabar masa ini.

Sekian, terima kasih.